

19/08/2003

Feskem atur sembilan program

SHAH ALAM: Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengatitkan sembilan program khusus dinamakan Festival Kemerdekaan UiTM (Feskem) 2003 mulai hari ini hingga 31 Ogos bertujuan menyemarakkan lagi sambutan Bulan Kemerdekaan.

Acara kemuncak adalah perasmian Feskem 2003 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Stadium UiTM pada 26 Ogos yang juga menyempurnakan acara pecah tanah kampus 2 Shah Alam.

Festival kali ini menggabungkan kerjasama mantap Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK), persatuan pelajar dan fakulti.

Timbalan Pendaftar Pejabat Perhubungan Korporat dan Alumni UiTM, Fauzieah Hanim Al Johari, berkata upacara sambutan bermula dengan Konsert Malam Simfoni Ilahi di Padang Kawad UiTM dari jam 8.30 malam pada 19 Ogos.

Menurut beliau, konsert itu bertujuan memupuk semangat patriotisme yang menjadi asas penting dalam kehidupan Muslim.

Katanya, program itu juga memperlihatkan seni sebagai medan dakwah melalui mesej yang disampaikan sekali gus meneguhkan jati diri bangsa.

"Konsert itu diserikan lagi kehadiran kumpulan nasyid terkenal Rabbani selain beberapa kumpulan nasyid UiTM," katanya.

Beliau berkata, sambutan itu dimeriahkan dengan Debat Piala Naib Canselor UiTM di Dewan Sri Budiman dan Dewan Fakulti Kuliah Kejuruteraan dari 22 hingga 25 Ogos.

Katanya, pertandingan itu acara tahunan anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Persatuan Debat dan Pidato UiTM serta kampus cawangan.

"Sebanyak 57 kumpulan debat dari semua kampus cawangan berentap bagi merebut juara dan pertandingan kali ini adalah yang terbesar pernah diadakan di UiTM kerana standard pertandingan setaraf antarabangsa dengan diadili 60 orang hakim," katanya.